

**HARI TERBUKA JABATAN PERHUTANAN SEMPENA
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2019
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tempat: TAMAN REKREASI HUTAN BUKIT SHAHBANDAR

Tarikh: HARI KHAMIS, 14 REJAB 1440H

BERSAMAAN 21 MAC 2019M

Bandar Seri Begawan, 21 Mac 2019. Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Hari Terbuka sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2019 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar. Hadir pada Majlis tersebut ialah Yang Mulia Noralinda Bte Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir untuk memeriahkan majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dari Jabatan Perhutanan, serta Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pengurus-pengurus syarikat kilang papan dan syarikat hiliran perkayuan, pengusaha-pengusaha bakau, perwakilan daripada beberapa Pertubuhan bukan Kerajaan, guru-guru dan penuntut serta orang awam.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini ialah **Hutan dan Pendidikan (Forests and Education)** yang mana ianya mengetengahkan akan kepentingan peranan pendidikan dalam memastikan kelestarian hutan. Melalui pendidikan di semua peringkat umur, ianya boleh meningkatkan kesedaran akan kepentingan peranan dan fungsi hutan dalam kestabilan alam sekitar. Ianya juga boleh memupuk rasa tanggungjawab bagi sama-sama memelihara dan melindungi hutan agar ianya dapat dinikmati oleh generasi masa ini dan akan datang.

Beberapa aktiviti telah diadakan pada sambutan pada tahun ini selaras dengan temanya. Ini termasuk pameran yang menunjukkan jenis-jenis hutan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam serta fungsinya, dan pameran yang mengetengahkan kepentingan pemuliharaan biodiversiti serta ekosistem. Pameran tersebut selain daripada disertai oleh Jabatan Perhutanan sendiri, ianya juga turut disertai oleh beberapa agensi termasuk Jabatan Kemajuan Pelancongan, Pusat Nadi Borneo Brunei Darussalam dan Bahagian Hidupan Liar. Antara lain, peraduan kuiz serta aktiviti pengenalan tumbuh-tumbuhan juga diadakan bagi menarik orang ramai terumata sekali penuntut sekolah mengenai pendidikan hutan. Hari Terbuka ini diharapkan akan dapat memberikan maklumat yang lebih bermakna mengenai kepentingan hutan dalam kehidupan seharian.